



**PEKELILING MAJIKAN BILANGAN 1 TAHUN 2026  
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]  
AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]  
FORMAT TEKS FAIL CARUMAN PEKERJA**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan serta menyeragamkan penyediaan format teks fail caruman pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] supaya lebih tersusun, jelas dan mematuhi piawaian dokumentasi yang ditetapkan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pelaksanaan penghantaran rekod caruman oleh majikan kepada PERKESO pada masa ini melibatkan pelbagai kaedah yang berbeza, termasuk penggunaan teks fail dan input melalui Portal Caruman PERKESO (ASSIST).
- 2.2 Walau bagaimanapun, didapati terdapat ketidakseragaman dalam penyediaan teks fail bagi rekod caruman pekerja di peringkat operasi.
- 2.3 Selaras dengan keperluan pengurusan dan pemprosesan rekod yang lebih sistematik, PERKESO akan melaksanakan penggunaan format **teks fail caruman** yang menggabungkan caruman **Akta 4 (PERKESO/SOCSO)** dan **Akta 800 (EIS)**.

- 2.4 Kaedah ini membolehkan maklumat caruman disediakan dalam format yang seragam dan boleh terus digunakan oleh majikan bagi tujuan penghantaran rekod dan pembayaran caruman.
- 2.5 Sehubungan itu, satu format seragam yang menepati piawaian rekod caruman pekerja meliputi maklumat lengkap dan tersusun bagi memudahkan proses semakan dan pengemaskinian maklumat dilaksanakan.

### 3. ARAHAN KEPADA MAJIKAN

- 3.1 Format penyediaan teks fail adalah seperti yang dinyatakan di **Lampiran 1**. Semua majikan dikehendaki menggunakan format teks fail caruman yang telah ditetapkan dalam setiap penyediaan dan pengemukaan dokumen berkaitan.
- 3.2 Format teks fail baharu mengandungi 11 kolum di mana, Kolum 1 sehingga Kolum 10 adalah sama seperti mana format semasa. Manakala kolum 11 adalah kolum baharu yang merupakan caruman bagi Skim Keselamatan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) yang akan dilaksanakan pada bulan Jun 2026.
- 3.3 Sebelum pelaksanaan SKBBK, Kolum 11 tidak perlu dikemaskini dan hendaklah dibiarkan kosong. Apabila SKBBK dikuatkuasakan, kolum tersebut hendaklah dikemaskini mengikut kadar caruman yang telah ditetapkan. Contoh lengkap teks fail caruman adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 3.4 Sehubungan itu, pematuhan terhadap format yang ditetapkan adalah **diwajibkan** bagi memastikan setiap urusan berkaitan caruman dilaksanakan secara sistematik. Format yang tidak mengikut format yang ditetapkan boleh memberi impak berlakunya rekod caruman yang tidak teratur dan kesukaran dalam proses pengemaskinian caruman pekerja.

3.5 Format teks fail baharu boleh dimuat turun di pautan berikut:

<https://www.perkeso.gov.my/images/borang/lindung24jam/formatteksfail.pdf>

#### 4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta bermula pada tarikh ianya dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pemakaian bagi pekeling ini diberikan tempoh peralihan sehingga **30 September 2026** dan terpakai kepada semua penyediaan teks fail berkaitan penghantaran rekod caruman melalui sistem PERKESO.

#### 5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung pekeling ini boleh dikemukakan melalui Pusat Panggilan di talian 1-300-22-8000, e-mel [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my) atau hadir ke mana-mana pejabat PERKESO berhampiran.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pekerja Kesuma Bangsa"***

  
(DATO SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED)  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Tarikh : **24** April 2026

**"PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO"**

LAMPIRAN 1

FORMAT GABUNGAN TEKS FAIL BAGI CARUMAN AKTA 4 (SOCSO) &  
AKTA 800 (EIS)

NO.	FIELD NAME (EN)	LENGTH	POSITION	DATA TYPE	MANDATORY (Y/N)	REMARKS
1.	Employer Code	12	1-12	Alphanumeric	Y	Verify employer code using check digit checking. Left justified
2.	MyCoID/SSM Number	20	13-32	Alphanumeric	N	ROB, ROC. Left justified
3.	Identification Number / SOCSO Foreign Worker Number	12	33-44	Alphanumeric	Y	1. New IC number 2. Social Security Foreign Worker No. (SSFW No.) 3. Social Security Foreign Domestic Worker No. (SSFDW No.)
4.	Employee Name	150	45-194	Alphanumeric	Y	Name as per IC or passport. Left justified
5.	Month Contribution	6	195-200	Numeric	Y	Contribution month. (MMYYYY) Month due cannot be advanced date, ex. Month due for Jan 2022 payment date < Jan 2012

NO.	FIELD NAME (EN)	LENGTH	POSITION	DATA TYPE	MANDATORY (Y/N)	REMARKS
6.	Employee Salary	14	201-214	Numeric	Y	1. Definition of Salary 2. Ringgit amount (ie. In cents, no. decimal point) Right justified
7.	Contribution Amount SOCSO (Employer share)	6	215-220	Numeric	Y	Ringgit amount (ie. In cents, no. decimal point) Right justified
8.	Contribution Amount SOCSO (Employee share)	6	221-226	Numeric	Y	Ringgit amount (ie. In cents, no. decimal point) Right justified
9.	Contribution Amount EIS (Employer share)	6	227-232	Numeric	Y	Ringgit amount (ie. In cents, no. decimal point) Right justified
10.	Contribution Amount EIS (Employee share)	6	233-238	Numeric	Y	Ringgit amount (ie. In cents, no. decimal point) Right justified
11.	SKBBK Contribution Amount (Employee share)	6	239-244	Numeric	Y	Ringgit amount (ie. In cents, no. decimal point) Right justified – SKBBK amount
12.	Filler 1	14	245-258	Alphanumeric	N	Blank Space
13.	Filler 2	20	259-278	Alphanumeric	N	Blank Space

LAMPIRAN 2

TEKS FAIL BAGI CARUMAN AKTA 4 (SOCO) & AKTA 800 (EIS)

A3702005386A	8512016666ALI BEN ABU	022026	345799	6035	1275	0630	0630	2335
A3702005386A	96111105559426AL IC ADAMS	022026	580079	10235	2935	1170	1170	4305
A3702005386A	8311114444TONY STARK	022026	895399	10415	2975	1130	1130	4465
A3702005386A	90620107775948 RUBY KHN	022026	245499	4205	1225	0430	0430	1035
A3702005386A	010009499955TIT MANSALITA BENI ADNY	022026	260899	4635	1325	0530	0530	1905
A3702005386A	82071314222040215 MUN	022026	456799	7965	2275	0610	0610	3335
A3702005386A	9996207777704N YET FEL	022026	235399	4115	1175	0470	0470	1765
A3702005386A	97121514555480 BEN ALI	022026	507999	10235	2935	1170	1170	4305
A3702005386A	96101336664024 ROSMADIA BEN ROSLI	022026	326574	5685	1635	0630	0630	2435
A3702005386A	9062214611180 BEN ALI	022026	256799	4465	1275	0510	0510	1915
A3702005386A	20190609455021A BEN SALAH	022026	469799	8135	2325			3485
A3702005386A	201906059515404N KHN	022026	630499	10415	2975			4465
A3702005386A	20200109420420R KHN	022026	254399	4465	1275			1915
A3702005386A	202303034050452R BILAL KHN	022026	845399	10415	2975			4465
A3702005386A	6011041340402504N MOOR	022026	213699	3765	1075	0430	0430	1615
A3702005386A	600027123333942754H MOOR BEN ALDIN	022026	869799	10415	2975	1130	1130	4465
A3702005386A	72091913000004N HANAN BEN PEGONG	022026	754799	10415	2975	1130	1130	4465
A3702005386A	706231112174H PUDJASRI	022026	606499	10415	2975	1130	1130	4465
A3702005386A	809521141115021A BEN SALAH	022026	906499	10415	2975	1130	1130	4465